

11/04/2000

Azmin ikut Anwar lawat Eropah

KUALA LUMPUR, Isnin - Bekas Setiausaha Sulit Datuk Seri Anwar Ibrahim, Mohamed Azmin Ali memberitahu mahkamah, beliau mengikuti bekas Timbalan Perdana Menteri itu dalam lawatannya ke tiga negara Eropah pada Februari 1993.

Katanya, beliau bersama Anwar berlepas dari Kuala Lumpur pada 3 Februari 1993 ke London dan kembali ke negara ini pada 14 Februari dari Frankfurt, Jerman.

Beliau yang menyambung keterangannya di Mahkamah Tinggi hari ini, berkata lawatan ke London, Paris dan Frankfurt itu bertujuan untuk memperkenalkan Labuan sebagai Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa.

Mohamed Azmin mengemukakan pasport antarabangsanya ke mahkamah untuk mengesahkan tarikh beliau berlepas dan kembali ke Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, Mohamed Azmin memberitahu mahkamah bahawa beliau tidak mengikuti lawatan Anwar ke Bangkok pada bulan yang sama.

Peguam bela Anwar, Christopher Fernando memberitahu Hakim Datuk Ariffin Jaka bahawa pembela akan memanggil seorang pegawai daripada Kementerian Luar Negeri untuk mengesahkan lawatan itu.

Kepada soalan Fernando, Mohamed Azmin berkata beliau dipanggil polis ke Bukit Aman sebanyak tujuh kali selepas membuat laporan polis terhadap penulis dan penerbit buku bertajuk 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM (Perdana Menteri) pada 19 Jun 1998.

Katanya, beliau membuat laporan itu kerana mendakwa kandungan buku memfitnah beliau serta isterinya, dan bukan mengenai tuduhan liwat seperti yang dibicarakan di mahkamah ini.

Bagaimanapun, katanya, beliau ditangkap polis pada 16 September 1998 sehingga dibebaskan oleh Mahkamah Majistret pada 21 September tahun yang sama.

Menjawab soalan Fernando, Mohamed Azmin memberitahu mahkamah, beliau sudah memusnahkan surat asal yang didakwa ditulis oleh adiknya, Ummi Hafilda memfitnahnya dan Anwar.

Katanya, beliau memusnahkan surat itu selepas diminta oleh Anwar atas arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata surat itu agak ringkas serta tidak kasar, dan lebih bertumpu kepada kritikan Ummi Hafilda terhadapnya yang tidak membantu adiknya dalam perniagaan.

Mohamed Azmin berkata dalam surat berkenaan tohmahan ke atas Anwar tidak sekejam berbanding dengan dokumen bertajuk Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri dan surat Azizan Abu Bakar yang dikemukakan pada perbicaraan hari ini.

Sehubungan itu, katanya, surat yang didakwa ditulis oleh Ummi Hafilda dan dokumen yang ditandakan oleh mahkamah sebagai barangan kes, P5 dan IDD20 serta IDD20A adalah tidak sama.

Mohamed Azmin berkata beliau melihat dokumen itu pertama kalinya selepas ditunjukkan oleh isterinya.

Beliau berkata, isterinya memberitahunya bahawa beliau menjumpai dokumen itu yang diletakkan di dalam peti surat di rumah mereka.

Mohamed Azmin memberi keterangan di depan Ariffin dalam kes liwat membabitkan Anwar dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja terhadap Azizan.

Anwar, 52, dan Sukma Darmawan, 39, dituduh meliwat Azizan di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, Anwar dan Sukma Darmawan didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Sukma Darmawan yang dihukum penjara enam bulan pada 19 September 1998 kerana membenarkan Anwar meliwatnya, juga didakwa atas tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan persetubuhan luar tabii dengan Azizan.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun sejak 14 April lalu selepas didapati bersalah atas empat tuduhan melakukan amalan rasuah pada 1997.

Perbicaraan bersambung esok.

(END)